



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

### **SEMPENA**

**“MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH  
KITAR SEMULA ANJURAN FRASER & NEAVE  
HOLDINGS BERHAD (FNHB)”**

**21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)**

**10.00 PAGI**

**BERTEMPAT DI AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP**

**BANDAR PERDA**

**BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Puan Cariessa Goh**

Pengurus Hal Ehwal Korporat

Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB)

**Puan Terrynz Tan**

Environment Director

Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd.

**Pengarah**

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

**Pengarah**

Jabatan Alam Sekitar Negeri

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Kitar Semula Anjuran Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB).

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB) beserta kakitangannya yang telah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai menganjurkan majlis pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd. yang telah berkolaborasi dengan FNHB sepanjang pelaksanaan majlis ini.

Sekalung penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar kerana sudi bekerjasama dan memberi sokongan padu dalam memperkasakan pendidikan dan amalan kitar semula di sekolah-sekolah di Seberang Perai.

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pada tahun 2016, MPSP telah membelanjakan RM8,766,971.90 untuk menguruskan 434,008.51 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos ini hanya merupakan kos *tipping fees* di Pulau Burung, tidak termasuk gaji, kos minyak dan penyelenggaraan kenderaan.

Pengurangan sampah ke Pulau Burung bukan sahaja dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah tersebut, namun ia juga dapat mengurangkan kos pembayaran *tipping fees* yang dikeluarkan oleh MPSP. Jika lebih banyak kos dapat diijmatkan, wang tersebut dapat disalurkan untuk membangunkan dan mengindahkan lagi kawasan Seberang Perai.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran penduduk Seberang Perai untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca dan juga aktiviti kitar semula. Ini adalah untuk memupuk satu ikatan ke arah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaaan sisa pepejal atau sampah sarap. Ia juga mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah.

Pada tahun 2016, kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai adalah 42% yang mana telah berjaya ditingkatkan daripada 39% pada tahun 2015. Bagi mencapai hasrat MPSP untuk mencapai Bandar Rendah Karbon yang diimpikan pada tahun 2022, kadar kitar semula perlu dipertingkatkan dari 42% pada tahun 2016 ke 70%. Angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini.

Selain itu, saya berharap aktiviti kitar semula ini menjadi satu amalan harian. Bermula daripada tempat kerja hingga ke dalam institusi kekeluargaan maka pengembelengan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan kitar semula dengan jayanya. Jika warga Seberang Perai dapat mengamalkan kitar semula, ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau.

Oleh itu, untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan harian, MPSP memperkenalkan konsep *MPSP Smart Consumption Model* (Model MPSP berhubung Penggunaan Bijak). Ia merangkumi 8R seperti berikut:-

- 1) *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth)*
- 2) *Refuse (Don't consume what you don't need to)*
- 3) *Reduce (Reduce consumption of energy and materials)*
- 4) *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects)*
- 5) *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)*
- 6) *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)*
- 7) *Recover (Energy and materials recovery and **UPCYCLE**)*
- 8) *Recycle (Close the loop and remake)*

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Sekolah ialah merupakan salah satu tempat (*venue*) di mana amalan kitar semula boleh dipraktikkan secara meluas. Saya percaya dalam peribahasa melayu “Melentur buluh biar dari rebungunya”.

Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah ini adalah merupakan salah satu daripada projek komuniti Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB) pada tahun 2017 dan dianjurkan bersama bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd. Di samping itu, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan

Jabatan Alam Sekitar juga telah memberikan kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan program ini.

Program seperti ini adalah untuk mendidik generasi pelapis masa akan datang supaya menjadikan aktiviti kitar semula sebagai satu amalan hidup. Pendekatan secara *holistic* dari peringkat anak-anak murid sama ada sekolah rendah dan menengah adalah penting untuk menjamin bumi kita ini dapat terus dipelihara. Konsistensi dalam pengamalan 8R ini dapat menjadikan sesebuah sekolah sebagai tempat melahirkan generasi yang menghargai dan menjaga alam sekitar.

Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah ini dilancarkan pada 23 Februari 2017. Penyertaan adalah terbuka kepada semua sekolah kerajaan dan swasta di bawah kawasan pentadbiran MPSP. Tempoh pertandingan adalah selama 6 bulan bermula 1hb Mac 2017 dan berakhir pada 31hb Ogos 2017.

Matlamat pertandingan ini adalah untuk:-

- 1) menyemai tabiat yang sihat dalam kalangan pelajar sekolah dan meluaskan inisiatif hijaunya di Seberang Perai dengan mendidik serta meningkatkan pengetahuan para pelajar sekolah mengenai kepentingan kitar semula;

- 2) memupuk dan meneruskan semangat dan amalan kitar semula di kalangan pelajar khususnya dan masyarakat amnya;
- 3) menyemai perubahan tingkahlaku (*behavioral change*) positif secara berterusan kepada para pelajar khususnya mengenai kitar semula; dan
- 4) menyahut seruan kerajaan untuk bersama-sama meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula.

Pertandingan terbuka kepada dua (2) kategori iaitu Kategori I untuk Sekolah Rendah dan Kategori II untuk Sekolah Menengah. Sebanyak 65 sekolah iaitu 24 sekolah menengah dan 41 sekolah rendah telah menyertai pertandingan ini.

Sekolah-sekolah yang bertanding dikehendaki menghantar laporan jualan barangan kitar semula kepada MPSP setiap bulan. Pemenang-pemenang dipilih berdasarkan jumlah purata tertinggi kutipan keseluruhan bahan kitar semula (dalam unit kg) yang dikira sah untuk pertandingan ini.



Oleh itu, saya dengan bangganya ingin mengumumkan yang jumlah keseluruhan beratan bahan kitar semula yang dikumpul sepanjang enam (6) bulan tempoh pertandingan telah mencapai 54,090.75kg. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada sekolah-sekolah yang memenangi Hadiah Anugerah Kitar Semula.

Saya seterusnya menyeru para hadirin sekalian untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Marilah kita menjadi *game changer* dan melaksanakan 8R untuk menjamin persekitaran yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Di kesempatan ini, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengumumkan bahawa MPSP sedang merangka Pembentukan **Pelan Strategik 2018-2022**. Dalam pembentukan pelan strategik, MPSP melibatkan *stakeholders* dalam menentukan 10 Fokus Area yang akan dijadikan *strategic priorities* melalui kajian soal selidik. Borang kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan input serta pandangan daripada

*stakeholders* mengenai Seberang Perai yang mereka inginkan pada tahun 2022. MPSP akan menumpukan 10 *strategic priorities* yang menjadi fokus utama dalam mengerakkan Pelan Strategik MPSP 2018-2022. Borang kaji selidik ini akan digunakan dalam mendapatkan input melalui *online survey*, edaran soal selidik kepada pejabat-pejabat YB, Ahli-ahli Majlis, warga Seberang Perai dan *outreach programmes*.

Borang kaji selidik secara *online survey* telah dipaparkan di laman web MPSP [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) pada 30 Ogos 2017 untuk tempoh dua (2) tahun. *Stakeholders* boleh mengisi borang kaji selidik secara online melalui [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) dengan klik pada borang “Kaji Selidik Kehendak Pelanggan terhadap Pembentukan Pelan Strategik MPSP 2018-2022”. Pengguna dikehendaki mengisi semua ruangan yang telah disediakan dan memilih 10 *strategic priorities* yang perlu diberi keutamaan oleh MPSP. Setelah selesai mengisi 10 *strategic priorities*, pengguna disyorkan mengemukakan cadangan berkenaan **Pernyataan Misi Seberang Perai Tahun 2022**. Terima kasih kepada yang telah mengisi borang kaji selidik tersebut.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Kitar Semula.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi*

*Wabarakatuh.*